

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 20

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

- 1 “Tolong belikan _____ sekaki payung dan sekotak susu segar,” kata Rogayah kepada Asmah.
A kita
B saya
C kami
D mereka


- 2 Penyakit kuku dan mulut telah menyebabkan _____ ekor lembu di kampung itu mati.
A segala
B tiap-tiap
C bertahun-tahun
D berpuluh-puluh

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Ibu merebus beberapa _____ ubi keledek untuk minum petang.
A biji
B buah
C ketul
D tongkol

Soalan 4 berdasarkan gambar dibawah.



- 4 Hubungan Sanjay dan Saran seperti_____.
- A pungguk rindukan bulan.
 - B cincin dengan permata.
 - C aur dengan tebing.
 - D isi dengan kuku.
- 5 “_____, bergaya sungguh kamu hari ini!” kata emak kepada abang.
- A Amboi
 - B Aduh
 - C Nah
 - D Eh
- 6 Encik Halim baru sahaja_____ ke rumah yang baru dibelinya.
- A berensot
 - B bergerak
 - C berganjak
 - D berpindah
- 7 Setelah lebih sebulan berada di tengah kota, Joshua mula terkenang_____ keluarganya di kampung.
- A akan
 - B pada
 - C sejak
 - D tentang

- 8 Puan Sarah menyediakan _____ sebagai pencuci mulut untuk tetamunya.
- A bebola
 - B agar-agar
 - C sayur-mayur
 - D rempah-ratus
- 9 Keropok yang disimpan di dalam botol itu _____ kerana penutup botol tidak ditutup rapat.
- A lesu
 - B lembik
 - C longlai
 - D lemau
- 10 Datin Sherry telah menggunakan khidmat _____ dalaman untuk menyusun atur perabot di rumahnya.
- A jurusolek
 - B jurutera
 - C juruhias
 - D jurubina
- 11 Para pendatang asing tanpa izin itu telah _____ pulang ke negara masing-masing.
- A dihantar
 - B hantarkan
 - C menghantar
 - D penghantaran
- 12 Sejak negara dilanda musim panas, banyak rumah dipasang dengan _____ untuk keselesaan penghuninya.
- A pemanas air
 - B pendingin hawa
 - C penghalau serangga
 - D penyedut hampagas
- 13 Abang Pravin akan mendarat tiba dari _____ sebentar lagi.

- A Menara KOMTAR, George Town
B Underwater World Langkawi
C Lapangan Terbang Dublin
D Litar Lumba F1, Sepang
- 14 Nenek menikmati pemandangan indah kampung dari tepi tingkap .
Perkataan sinonim bagi kampung adalah seperti berikut
A kota
B desa
C bandar
D pedalaman
- 15 Jalan-jalan utama mulai sesak apabila tiba waktu lewat petang.
Pilih perkataan antonim bagi sesak.
A tegang
B lengang
C renggang
D senggang
- 16 *Pilih ayat pasif yang sama maksud dengan ayat aktif yang diberi.*
Saya akan memberitahu maklumat lanjut dalam kiriman e-mel nanti.
A Maklumat lanjut akan saya beritahu dalam kiriman e-mel nanti.
B Dalam kiriman e-mel nanti, maklumat lanjut saya akan diberitahu.
C Maklumat lanjut akan diberitahu oleh e-mel saya dalam kiriman nanti.
D Dalam kiriman e-mel nanti, saya akan diberitahu tentang maklumat lanjut.
- 17 *Pilih ayat yang betul.*
A Rumah baharu Puan Aminah amat cantik sekali.
B Semua orang tahu bahawa punca masalah itu tidak saya.
C Para guru-guru sedang mengambil tempat di dalam bilik mesyuarat.
D Bila jam menunjukkan pukul 8.00 pagi, abang pun berjalan masuk ke pejabatnya.

Soalan 18 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan –soalan yang berikutnya.

Penyu dan kura-kura adalah haiwan dalam kelompok reptilia iaitu berdarah sejuk. Badan kedua-duanya yang bersisik mempunyai bentuk hampir sama tetapi berbeza saiznya. Bahagian belakang kedua-dua haiwan ini bercangkerang keras. Umumnya penyu lebih besar daripada kura-kura. Namun begitu, terdapat juga kura-kura yang lebih besar seperti yang terdapat di kepulauan Galapagos.

Penyu mempunyai bentuk kaki seperti duyung untuk kegunaan berenang di laut. Hidupnya memang di laut dan makanannya berupa vegetasi laut. Sedangkan kura-kura hidup di sungai, kawasan berpaya atau darat sehingga bentuk kakinya menyerupai kehidupan di darat. Makanan kura-kura pula ialah tumbuh-tumbuhan dan haiwan-haiwan kecil dalam kawasan habitatnya.

Penyu hanya naik ke pantai apabila hendak bertelur manakala kura-kura bertelur di tepian air. Kedua-dua spesies haiwan ini menimbus telur-telur dengan pasir atau tanah sebaik sahaja selepas bertelur.

- 18 Penyu dan kura-kura tergolong dalam kelompok
- A spesies air laut.
 - B haiwan besar herbivor.
 - C bertulang belakang keras.
 - D bersisik dan berdarah sejuk.
- 19 Yang manakah antara berikut merupakan pernyataan yang **tidak benar**?
- A Penyu dan kura-kura ialah haiwan dua alam.
 - B Kura-kura berbeza dengan penyu dari segi saiznya.
 - C Penyu tinggal di sungai, kawasan berpaya dan daratan.
 - D Persamaan kedua-dua spesis haiwan ini adalah pada bentuk badannya.
- 20 Mengapakah penyu dan kura-kura menimbus tanah atau pasir semula selepas bertelur ?
- A Meredupkan telur-telurnya daripada sinaran matahari.
 - B Melindungi telur-telurnya daripada dimakan haiwan lain.
 - C Menjadikan telur-telurnya masin.
 - D Menjaga keindahan alam sekitar.

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

Gariskan **kata penguat** yang sesuai bagi melengkapkan ayat di bawah.

- i) Penduduk kampung memberikan kerjasama yang (amat, terpalang) baik untuk menjayakan aktiviti itu.
- ii) Pemandangan pulau itu dari atas bukit, kelihatan indah (nian, agak).
- iii) Murid-murid berasa (tersungguh, sangat) gembira ketika menyaksikan persembahan itu.
- iv) Pertunjukan silap mata adalah acara yang (sekali, paling) dinanti-nantikan pada Hari Kanak-kanak.

Soalan 22

- (a) Bina **ayat aktif** berdasarkan ayat pasif yang diberi.

Ayat pasif : Bilik tidur itu telah dikemas oleh kakak pagi tadi.

Ayat aktif : _____

- (b) Tulis **perkataan berimbuhan** yang sesuai bagi kata dasar diberi, pada tempat kosong.

sepak

- i) Kaki Jason luka kerana _____ batu.
 - ii) Pemain bola itu sedang membuat _____ sudut.
- c) Tulis **penjodoh bilangan** yang sesuai dengan perkataan yang diberi.

- i) sabun = _____
- ii) cincin = _____
- iii) sate = _____
- iv) cendawan = _____

Soalan 23

Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

dia	kami	aku	anda	kamu
kita	awak	kalian	engkau	mereka

Loceng berbunyi menandakan waktu rehat telah bermula. Guru berkata, “Murid-murid,


_____ boleh ke kantin untuk rehat.”

Murid-murid berbaris dan berjalan menuju ke kantin. _____ berjalan dengan berdisiplin. Saya dan Melvin, turut ke kantin. _____ ternampak seorang murid lelaki selesai makan sebuku roti. Kemudian, _____ memasukkan pembalut roti ke dalam poket seluarnya. Perbuatannya itu melambangkan disiplin diri yang terpuji.

_____ sepatutnya mengikut jejak langkah murid tersebut.

Soalan 24

Teliti peta bulatan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.



(a) Perkataan lain bagi **memudahkan** ialah _____.


(b) Tandakan ($\checkmark$) bagi pernyataan yang benar atau (**X**) pada pernyataan yang salah.

Suatu pekerjaan yang dilakukan secara bergotong-royong akan mengurangkan masa.	$\checkmark$
Tenaga yang banyak semasa bergotong-royong akan menyebabkan sesuatu pekerjaan menjadi lambat.	
Maklumat tentang kebaikan bergotong-royong ini diperoleh daripada pekerja kebersihan sekolah.	
Antara kebaikan bergotong-royong adalah dapat menyemai sikap bersatupadu.	

(c) Pada pendapat kamu, adakah gotong-royong penting diamalkan sama ada di kampung mahupun di bandar? Mengapa?

Soalan 25

Teliti piramid makanan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.



- (a) Mengapakah kita perlu makan makanan pada aras 1 dengan banyak ?
